

## **PATHFINDER KOLEKSI KAUM PERANAKAN ASIA TENGGARA: INISIATIF PENGANTARABANGSAAN**

Siti Roudhah Mohamad Saad (Pustakawan Kanan) [srms@usm.my](mailto:srms@usm.my), Radia Banu Jan Mohamad (Penolong Pustakawan Kanan) [radia\\_banu@usm.my](mailto:radia_banu@usm.my), Mohd Pisol Ghadzali (Ketua Pustakawan) [mohdpisol@usm.my](mailto:mohdpisol@usm.my), Cik Ramlah Che Jaafar (Pustakawan) [cramlah@usm.my](mailto:cramlah@usm.my), Noor Azlinda Wan Jan (Pustakawan) [azlindawj@usm.my](mailto:azlindawj@usm.my)

Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Minden, Pulau Pinang

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini akan menerangkan tentang inisiatif pengantarabangsaan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara melalui *pathfinder series* yang dilaksanakan oleh Perpustakaan USM. Pathfinder series atau panduan subjek dibina untuk Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara yang mengandungi maklumat bagi bahan-bahan yang berkaitan dengan kaum Peranakan di Asia Tenggara khususnya Kaum Cina Peranakan, Kaum Jawi Peranakan, Kaum India Peranakan (Kaum Chetti) dan Kaum Siam Peranakan (Kaum Melayu Sam-Sam). Sejak sekian lama, para pustakawan telah menggunakan panduan subjek sebagai salah satu medium bagi membantu pelanggan Perpustakaan mengenalpasti dan mendapatkan pelbagai bahan sumber maklumat yang diperlukan bagi membantu pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Selaras dengan perkembangan teknologi, Perpustakaan USM sebagai Sekretariat AUNILO (Libraries of ASEAN University Network) telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan pathfinder atau panduan subjek atas talian bagi Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara yang boleh dicapai secara maya. Pathfinder atau panduan subjek atas talian ini diwujudkan untuk mempromosi dan memastikan koleksi ini dapat diakses dan dimanfaatkan oleh banyak pihak dari dalam atau luar negara. Pathfinder Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara ini telah dimasukkan sebagai salah satu pautan yang boleh dicapai melalui portal rasmi AUNILO di <http://aunilo.org>.

**Kata kunci:** Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara; AUNILO; panduan subjek atas talian; Pathfinder.

## PENDAHULUAN

Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Perpustakaan Hamzah Sendut telah ditubuhkan pada tahun 2010 melalui Majlis Pelancaran Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara yang telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada ketika itu iaitu Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin. Penubuhan koleksi ini merupakan rentetan daripada cetusan idea yang diketengahkan oleh Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor USM ke-5 semasa berlangsungnya Majlis Perasmian Persidangan Cina Peranakan Pulau Pinang dan Cina Muslim pada tahun 2008.

Melalui usaha pengumpulan dan pemeliharaan maklumat kaum ini yang belum pernah dijadikan satu koleksi khusus, maka Perpustakaan Universiti Sains Malaysia mampu menjadi sebuah pusat pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan dan penyebaran maklumat yang pertama berkaitan dengan kaum Peranakan. Mohamed Khaled Nordin (2010) melalui ucapan perasmian di Majlis Pelancaran Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, telah menyatakan bahawa universiti adalah tempat yang terbaik untuk memperkuatkkan kefahaman tentang sejarah kerana di sinilah terkumpulnya komuniti cerdik pandai dan golongan muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara. Seterusnya, beliau juga menekankan bahawa universiti berupaya untuk memperkasakan sejarah dan ini akan memudahkan proses integrasi antara kaum secara keseluruhannya.

Merujuk kepada Abdullah Ahmad Badawi (2000), untuk meningkatkan pengetahuan dan informasi yang terkandung di dalam koleksi tempatan, perpustakaan perlu memulakan usahasama dengan universiti-universiti serta arkib awam dan persendirian bagi membangunkan satu repositori untuk menyimpan sumber-sumber tempatan. Perpustakaan juga perlu memperbaiki kefahaman masyarakat global tentang kebudayaan Malaysia serta dapat menjadi pusat rujukan dunia dalam mengakses maklumat dan pengetahuan tentang negara ini.

Lanjutan daripada kenyataan-kenyataan di atas, melalui cadangan dan persetujuan Mesyuarat AUNILO (ASEAN University Network Inter-Library Online) yang keenam dengan tema “ASEAN Collections: building portals bridging nation” yang telah di adakan pada 7-9 April 2010 di Universitas Indonesia (UI), Indonesia, Perpustakaan USM telah mengambil inisiatif untuk mengantarabangsakan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara melalui pathfinder, agar maklumat berkaitan dengannya dapat disebar

luas secara dalam talian. Pathfinder Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara ini mengandungi maklumat bagi bahan-bahan yang berkaitan dengan kaum Peranakan di Asia Tenggara khususnya Kaum Cina Peranakan, Kaum Jawi Peranakan, Kaum India Peranakan (Kaum Chetti) dan Kaum Siam Peranakan (Kaum Melayu Sam-Sam).

## AUNILO

AUNILO adalah singkatan bagi *ASEAN University Network Inter-Library Online* yang telah diwujudkan melalui keputusan yang diambil semasa persidangan *ASEAN University Network Inter-Library Online* yang telah diadakan di De La Salle University, Manila, Filipina pada 13 Januari 2002. Tujuan AUNILO ditubuhkan adalah untuk membantu ahli-ahlinya membangunkan Perpustakaan dan perkhidmatan maklumat bertaraf dunia dengan: merancang dan menjana strategi serta memantau perkembangan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat bagi ahli-ahli; menggalakkan perkongsian sumber dikalangan ahli-ahli; memanfaatkan ICT dalam aktiviti promosi, penyelenggaraan dan peningkatan program perpustakaan ahli.

Pada bulan Januari 2003, satu resolusi telah dirangka untuk menubuhkan Jawatankuasa AUNILO dan diserahkan kepada Lembaga Pemegang Amanah Asean University Network (AUN). AUNILO telah mengadakan mesyuarat pertama pada April 2004 yang dihoskan oleh Perpustakaan Nanyang Technological University (NTU) Singapura. Mesyuarat tahunan AUNILO diadakan untuk menyedia dan menilai aktiviti-aktiviti untuk ahli-ahlinya serta membentangkan laporan institusi yang berkaitan dengan sesuatu topik. Objektif penubuhan AUNILO adalah seperti berikut:

- Untuk mempromosikan pembangunan sumber manusia yang kompeten di ASEAN dengan sokongan kuat dengan akses yang lebih luas melalui bekalan sumber akademik yang dikongsi bersama oleh semua negara-negara ASEAN.
- Untuk mengukuhkan gabungan sedia ada dan menyokong kerjasama lanjut diantara institusi pengajian tinggi di negara ASEAN melalui perkongsian sumber maklumat akademik.
- Untuk menyediakan satu lagi saluran perkongsian maklumat di kalangan komuniti akademik di ASEAN, menggunakan kemajuan teknologi dan sumber-sumber yang sedia ada di Universiti yang merupakan ahli ASEAN University Network (AUN).

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah dipilih untuk menjadi Sekretariat bagi AUNILO pada tahun 2004. Pelantikan tersebut adalah bagi tahun 2004 hingga 2008 dan dilanjutkan sehingga 2013 atas faktor kecemerlangannya mengendalikan aktiviti AUNILO. Selaras dengan pelantikan tersebut, tugas-tugas Sekretariat yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

- Menghubungkan ahli AUNILO dengan Sekretariat AUN untuk bersama-sama melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dan memantau perkembangan program yang dirancang.
- Memudahkan komunikasi antara ahli AUNILO.
- Bertindak sebagai penghubung untuk program latihan dan program-program lain
- Mengemukakan laporan kemajuan dalam mesyuarat tahunan.

Perpustakaan Universiti Malaya pula telah dilantik sebagai hos bagi portal AUNILO (<http://aunilo.org>) untuk mengurus dan menyelaras kemudahan komunikasi seperti senarai mel (*listserv*), *group discussion* dan *newsgroup*. Portal AUNILO ini telah diwujudkan pada bulan Julai 2004.


Sehingga kini ahli AUNILO terdiri daripada 25 perpustakaan dari 10 negara ASEAN iaitu: Brunei Darussalam : Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam; Lao PDR: Perpustakaan Universiti Kebangsaan Lao; Myanmar : Perpustakaan Pusat Universiti Yangon; Perpustakaan Pusat, Institut Ekonomi Yangon; Singapura: Perpustakaan Universiti Teknologi Nanyang; Perpustakaan Universiti Kebangsaan Singapura; Perpustakaan Universiti Pengurusan Singapura; Cambodia: Universiti DiRaja Phnom Penh, Perpustakaan Hun Sen; Perpustakaan Universiti Undang-Undang dan Ekonomi DiRaja; Malaysia: Perpustakaan Universiti Sains Malaysia; Perpustakaan Universiti Malaya; Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia; Perpustakaan Universiti Putra Malaysia; Thailand: Perpustakaan Universiti Chulalongkorn; Perpustakaan Universiti Burapha; Perpustakaan Universiti Mahidol; Perpustakaan Universiti Chiang; Indonesia: Perpustakaan Universitas Gadjah Mada; Perpustakaan Universitas Indonesia; Perpustakaan Universitas Airlangga; Filipina: Perpustakaan Universiti De La Salle; Perpustakaan Universiti Filipina; Perpustakaan Universiti Ateneo de Manila; Vietnam: Universiti Kebangsaan Vietnam; Perpustakaan Hanoi; Universiti Kebangsaan Vietnam, Perpustakaan Ho Ci-Minh.

## **PATHFINDER KOLEKSI KAUM PERANAKAN ASIA TENGGARA**

Satu jawatankuasa pelaksana telah diwujudkan untuk mengurus Pathfinder Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara. Jawatankuasa berkenaan bertanggungjawab untuk merancang, mencari bahan dan menyusun atur kandungan Pathfinder ini. Jawatankuasa ini terdiri daripada Pustakawan yang pakar dalam bidang masing-masing seperti pengkatalogan, rujukan, arkib dan pengautomasian.

Pada peringkat permulaan, perbincangan dan keputusan berkaitan skop kandungan Pathfinder telah dibuat iaitu memasukkan kandungan yang penting berkaitan dengan koleksi ini. Antara kandungan yang dipilih ialah nombor panggilan bagi bahan-bahan berkaitan Kaum Peranakan Asia Tenggara yang terdapat di dalam *Library of Congress*, sumber bercetak, pangkalan data atas talian, sumber dalam internet, imej (*image resources*), organisasi dan pertubuhan, pakar dan ilmuan (*experts and scholars*), blog dan video atau sumber audio (*audio resources*). Ahli jawatankuasa pelaksana telah diberi tanggungjawab mencari sumber-sumber yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam setiap kandungan yang telah diwujudkan bagi memudahkan pelanggan mengakses koleksi ini secara langsung.

Selesai peringkat penyenaraian bahan sumber maklumat Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara, Pathfinder tersebut telahpun dimasukkan ke dalam portal Kaum Peranakan yang telah dilancarkan semasa perasmian koleksi ini. Di peringkat AUNILO pula, seperti yang telah dipersetujui didalam Mesyuarat ke-enam di Universitas Indonesia, Pathfinder Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara dimasukkan kedalam portal AUNILO di <http://aunilo.org> bagi memudahkan pengaksesan oleh rakan-rakan lain dalam kalangan negara-negara ASEAN. Pathfinder ini boleh dicapai melalui portal rasmi AUNILO di <http://aunilo.org> dan <http://www/kaumperanakan.usm.my/index.php/en/pathfinder-series>.



Rajah 1: <http://aunilo.org>



Rajah 2: <http://www.kaumperanakan.usm.my/index.php/en/pathfinder-series>.

## **KEPENTINGAN PATHFINDER DALAM PENCARIAN MAKLUMAT**

Pathfinder telah mula diperkenalkan pada tahun 1950-an sebagai senarai bacaan yang disyorkan mengenai topik-topik atau genre tertentu (Dunsmore, 2002, p. 138). Biasanya pathfinder ini merupakan bibliografi beranotasi bagi bahan-bahan rujukan, pangkalan data, jurnal, dan laman sesawang dalam disiplin tertentu yang boleh ditemui didalam kebanyakan laman sesawang perpustakaan akademik. Ia juga merupakan titik permulaan untuk menjalankan penyelidikan bagi sesuatu subjek. Panduan ini juga boleh digunakan sebagai silibus untuk pengajaran kurikulum bibliografi (Reeb dan Gibbons, 2004, p. 123).

Walaupun terdapat banyak pertindihan antara satu institusi dengan institusi yang lain, pustakawan masih terus mewujudkan panduan yang unik secara dalam talian untuk menggabungkan keadaan semasa bagi memenuhi keperluan pengguna mereka (Jackson dan Pellack, 2004). Pathfinder ini boleh dikenali dengan berbagai-bagai nama yang berbeza, sebagai contoh, panduan penyelidikan atau panduan subjek (Dunsmore, 2002, p. 144), tetapi pada dasarnya, Pathfinder di perpustakaan adalah satu senarai semak pengenalan yang terancang yang mengandungi sumber-sumber dan bahan-bahan yang dianjurkan untuk sesuatu subjek, contohnya Bahasa Inggeris (atau lain-lain bahasa) atau mengenai topik tertentu yang lain"(Richardson, 2001, slaid 4).

Dari sudut pandang pustakawan, pathfinder adalah medium yang sangat berguna. Ia menyediakan titik permulaan yang baik untuk penyelidikan dalam bidang tertentu tanpa memaparkan maklumat yang berlebihan dan tidak bermanfaat kepada penyelidik. Pada tahun 1996, Cox menulis tentang manfaat pathfinder elektronik. Satu kelebihan yang jelas adalah akses 24x7. Pengguna boleh menggunakan panduan elektronik pada kadar mereka sendiri. Bagi sesetengah pelajar, pathfinder elektronik mungkin lebih mudah didekati daripada meja rujukan. Panduan berdasarkan web adalah satu kaedah pengajaran yang menarik untuk generasi baharu dan menyediakan panduan seperti itu adalah baik untuk imej perpustakaan (ms 40). Dunsmore (2002), dalam kajian beliau mendapati bahawa "... satu tema yang telah dinyatakan secara langsung atau tidak langsung disimpulkan sebagai penerbitan Perpustakaan yang paling penting."

Walaupun pathfinders telah wujud secara tradisi dalam bentuk brosur, ianya menjadi semakin popular dalam bentuk elektronik sebagai tambahan kepada kebanyakan laman sesawang perpustakaan dan termasuk juga panduan pencarian maklumat secara atas talian. Pathfinders yang telah diolah dengan baik mampu membantu dalam pelbagai situasi contohnya apabila pustakawan yang bertugas tidak mahir dengan sumber penulisan dalam sesuatu subjek. Malah, pathfinders atas talian ini juga boleh digunakan oleh pengguna yang tidak berada di dalam perpustakaan.

Sehubungan dengan itu, pustakawan akademik juga digalakkan untuk menggunakan teknologi maklumat dalam menyediakan panduan perpustakaan dan membangunkan tutorial secara atas talian, kelas literasi pengajaran bantuan komputer, panduan subjek secara atas talian dan lain-lain alatan berdasarkan teknologi. Selain daripada itu, ramai pustakawan dan pentadbir perpustakaan berpendapat bahawa bantuan pengajaran berkomputer mempunyai banyak kelebihan seperti kebolehpercayaan dan konsisten, kebolehupayaan untuk penggunaan yang meluas dalam kalangan pelajar dan menjimatkan masa pustakawan.

## **PENUTUP**

Setelah Pathfinder Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara berjaya diwujudkan dan dihebahkan dalam kalangan negara-negara ASEAN, adalah menjadi harapan agar pathfinder ini akan bermanfaat kepada penyelidik sama ada dari dalam atau luar negara. Pathfinder berdasarkan elektronik dalam talian ini akan memudahkan pencarian dan pengaksesan maklumat pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Kewujudan pathfinder ini bakal menjadi satu permulaan atau titik tolak untuk memasarkan koleksi-koleksi Perpustakaan secara amnya dan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara secara khususnya. Pathfinder ini juga merupakan kesinambungan daripada usaha yang telah dijalankan sebelum ini seperti pelancaran koleksi, pameran dan sejarah lisan bagi mempromosikan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara. Pada masa akan datang Perpustakaan akan terus menambah baik pathfinder ini sama ada dari

segi kandungan, format atau gaya yang lebih mesra pelanggan bagi meningkatkan keberkesanan pencarian bahan oleh pelanggan.

Pathfinder telah mencapai status yang tersendiri didalam perkhidmatan rujukan dan ia dapat menjadi lebih menarik dengan penggunaan teknologi berasaskan web yang semakin berkembang pada masa kini. Walaupun berdepan dengan cabaran dari segi penerimaan dan penggunaannya, pathfinder mampu memberi manfaat dengan peluang-peluang evolusinya yang tersendiri dan harus diterokai oleh pustakawan akademik untuk penggunaan yang optimum.

## **RUJUKAN**

Abdullah Hj. Ahmad Badawi, D.S. (2000). *Ucapan perasmian sempena Malaysian National Digital Initiative*, Cyberjaya, 27 Jun.

Dunsmore, C. (2002) “A qualitative study of web-mounted pathfinders created by academic business libraries”, *Libri*, 52: 137-156.

Jackson, R., & Pellack, L. J. (2004) “Internet subject guides in academic libraries: An analysis of contents, practices, and opinions”, *Reference and User Services Quarterly*, 43 (4), pp. 319-327.

Michel, S. (2001). ‘What do they really think?: assessing student and faculty perspectives of a web-based tutorial to library research’, *College and Research Libraries*, 62 (4): 319.

Mohamed Khaled Nordin. (2010). *Ucapan perasmian sempena pelancaran Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM)*, Pulau Pinang, 19 April.

Reeb, B., & Gibbons, S. (2004) “Students, librarians, and subject guides: Improving a poor rate of return”, *Portal: Libraries and the Academy*, 4 (1): 123-130.

Richardson, J.V. (2001), “OCLC CORC Pathfinders: their past and future”, The 2001 Computers in Libraries Conference, Washington, DC, 14 March 2001. Available <http://www.infotoday.com/cil2001/presentations/richardson.ppt>